

Taman Aman: Bertentangan dengan nasihat

S: Tentang kes Taman Aman, adakah Datuk yakin ada rasuah di sisi akhlak?

J: Pada pandangan saya, itu tidak patut berlaku. Sebab Datuk Musa telah memberi arahan tegas, jangan ada pemberian tanah sepanjang masa pilihanraya. Mungkin itu dilakukan dengan niat bersih, tapi tetap bertentangan dengan nasihat Timbalan Perdana Menteri.

S: Kes macam Taman Aman, yang saya tahu, UMNO ada satu amalan dalam UMNO, membalas balik khidmat ahli-ahli semua dengan memberi tanah sekadar membuat rumah, klinik dan sebagainya. Mungkin dalam semangat yang sama tanah-tanah di Taman Aman diluluskan.

J: Kalau cuma balas budi kerana berkhidmat kepada UMNO satu perkara, kalau balas budi kerana berkhidmat kepada diri sendiri itu lainlah.

S: Adakah Datuk sedar tentang amalan membuat pemberian seperti ini kepada ahli-ahli UMNO?

J: Mungkin ada, saya tak berani kata tidak.

S: Tidakkah Datuk boleh memutuskan dan buat arahan untuk memberhentikan amalan pemberian macam ini?

J: Bila ada sebab kenapa kita patut beri, kita mesti beri juga. Kita tak boleh, kerana seseorang itu menyokong UMNO, maka kita adakan diakriminasi pula terhadapnya. Orang lain minta, dapat, tetapi kerana dia

sokong UMNO, maka dia tak boleh dapat! Itu pun tak adil juga. Jadi kita kena timbang bila dia patut dapat, bila dia tak patut dapat. Kalau tanah itu tanah biasa, bukan dalam taman, dan orang lain pun dapat, kalau dia minta, tak ada satu sebab kenapa kita tak boleh beri. Bahkar, kita boleh sedikit sebanyak utamakan dia. Tetapi yang menjadi masalah ini ialah ini tanah taman yang bukan untuk kedalaman. Dan dibuat pula pada waktu yang tak patut dibuat.

Arahan

S: Betulkah, sebelum keputusan itu dibuat di Exco, Datuk Musa sudah pun menelefon Datuk Hormat Rafei menanyakan hal itu. Mungkin Datuk Musa dah dengar tentang itu, sebab itu dia telefon Datuk Hormat bertanya benarkah, dan Datuk Hormat kata tak benar.

J: Itulah yang Datuk Musa beritahu saya waktu pilihanraya.

S: Apa kata Datuk Musa?

J: Katanya dia dengar dan telah pun bertindak memberitahu Kerajaan Selangor jangan melakukannya.

S: Datuk Hormat Rafei sahkan dia menerima arahan itu?

J: Ya, dia ada terima arahan itu.

S: Apa alasannya tak mengikut arahan itu?

J: Dia kata yang ini tak termasuk, satu kecuali.

S: Tetapi tidakkah itu mencerminkan kesanggupan pemimpin di pe-

ringkat negeri tidak mematuhi arahan daripada atas?

J: Bukan, arahan daripada atas ini kadang-kadang dipatuhi kadang-kadang tidak. Ini biasa, daripada dulu pun, bukan bermakna bahawa pemimpin di peringkat pusat ini mempunyai kuasa mutlak dalam semua perkara. Ada kalanya yang pemimpin di peringkat negeri berpendapat bahawa dia tidak perlu patuh. Kita bukan ada hak menghukum dalam UMNO atau dalam Barisan Nasional. Kita ada hak memujuk, itu saja.

S: Salah satu punca masalah tanah ini ialah soal pentadbiran. Tunku Abdul Rahman pernah menyatakan penyesalannya di suatu wawancara di TV iaitu tanah tidak dimasukkan di bawah hal-ehwal Persekutuan... dia menjadi hal-ehwal Negeri. Apakah ada rancangan Datuk untuk mengambil alih penguasaan tanah daripada Negeri kepada Persekutuan?

J: Tak ada rancangan, kerana kuasa Negeri sudah pun sedikit. Kalau kita hendak ambil kuasa itu daripadanya bermakna tak perlulah kita ada Kerajaan Negeri langsung. Lebih baik kita ada jabatan sahaja. Jadi kita tak ada rancangan. Walaupun ada perkara-perkara berlaku yang tidak sepatutnya berlaku, tetapi dengan diambil-alih oleh pihak pusat pun tidak bermakna bahawa rasuah tidak akan berlaku.